

24/04/2002

Ulama politik punca perpecahan ummah

Daud Awang

MELAKA, Selasa - Ulama yang menggunakan ilmunya untuk kepentingan politik boleh menimbulkan perpecahan umat Islam dan sekali gus menyebabkan umat Islam terus tercicir dalam pelbagai bidang.

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr Ismail Ibrahim, berkata peranan ulama ialah menyatupadukan umat Islam melalui ilmu yang mereka perolehi dan bukannya bertindak sebaliknya.

Beliau berkata, sejak kebelakangan ini terdapat kecenderungan ulama menerapkan fahaman politik melalui majlis agama dan ini menyebabkan umat Islam begitu fanatik dan taksub terhadap mereka.

"Kalau kita lihat, kelas agama, khutbah Jumaat dan forum agama kini dijadikan gelanggang politik walhal ia bertujuan memberi kefahaman agama kepada pesertanya.

"Jika ini dilakukan oleh ulama, ia akan menyebabkan umat Islam akan terus berpecah kerana mereka akan terikut-ikut fahaman politik yang cuba disogok oleh ulama terbabit.

"Perpecahan yang berlaku akan menyebabkan kita akan terus tercicir dalam pelbagai bidang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membentangkan kertas kerjanya pemikiran mengenai Islam sempena Kolokium Pemikiran Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Kolokium yang dihadiri kira-kira 300 peserta dari pelbagai lapisan masyarakat itu dianjurkan oleh Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (Iksep) dan kerajaan Melaka.

Turut hadir, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Jahaya Mat.

Ismail berkata, ulama seharusnya ikhlas dan bersikap jujur terhadap diri sendiri dengan menyampaikan ilmu yang diperolehi tanpa menyelitkan fahaman politik.

"Ulama adalah golongan intelektual dan tugas mereka ialah meningkatkan kefahaman Islam terhadap orang Islam melalui pengetahuan dan pengalaman yang mereka perolehi.

"Inilah golongan ulama sebenar kerana mereka lebih mementing ilmu dan bukannya fahaman politik," katanya.

Terdahulu ketika membentangkan kertas kerjanya, Ismail berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, satu-satunya pemimpin Islam yang berani mengkritik Barat.

"Dr Mahathir merasakan bahawa sekurang-kurangnya kita haruslah berusaha mengikis persepsi negatif terhadap Islam dengan memberikan gambaran yang sebenar mengenai ajaran Islam.

"Kita seharusnya menunjukkan contoh serta model orang Islam di negara kita sebagai satu set umat yang memahami dan menghayati ajaran Islam untuk kemajuan dunia dan akhirat.

"Dengan itu, kita akan dapat memberi gambaran Islam dalam imej yang progresif, dinamik dan maju," katanya.

Selain itu, beliau berkata, melalui Petronas, Dr Mahathir berjaya membantu negara Islam lain termasuk Sudan, Afrika Selatan dan Bahrain.

"Kita jangan saja bercakap mengenai Islam tetapi kehidupan kita semakin bertambah mundur dan ketinggalan. Hakikat itu yang cuba diperbetulkan oleh Dr Mahathir," katanya.

(END)